

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1989/90

Oktober/November 1989

RPW 541 - Teori dan Falsafah Perancangan

Masa : (3 Jam)

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

1. Berdasarkan contoh-contoh tempatan, huraikan ciri-ciri Teori Pembangunan, yang merupakan sebahagian daripada asas perancangan bandar dan Wilayah.  
(25 Markah)
2. Beberapa pembangunan di Malaysia diilhamkan berdasarkan falsafah-falsafah tertentu. Huraikan falsafah dan perancangan dalam konteks perancangan dan pembangunan seperti berikut:-
  - (a) Mengadakan perumahan kos rendah di bawah harga \$15,000 berteraskan pemikiran atau falsafah perancangan pembahagian.
  - (b) Cadangan penambahan pantai barat dari Perlis ke Johor merupakan falsafah perancangan inovatif.(25 Markah)
3. Apakah yang dimaksudkan dengan falsafah Perancangan kemajmukan? Ada yang berpendapat bahawa pembangunan semula pusat bandar akan menonjolkan beberapa falsafah atau fenomena. Bincangkan.  
(25 Markah)
4. Apakah yang dimaksudkan dengan perancangan prosedur? Ramai yang telah memperkatakan bahawa falsafah perancangan prosedur sering melambatkan proses penyediaan pelan struktur dan pelan tempatan? Bincangkan.  
(25 Markah)

...2/-

5. Teori dan falsafah perancangan di negara maju khususnya negara barat diamalkan berdasarkan corak pembangunan, ciri-ciri sosioekonomi dan budaya yang tersendiri. Adakah amalan di negara barat boleh dipraktikkan di Malaysia?

(25 Markah)

-ooo000ooo-